

NO. SOALAN: 36

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB. DATO' AHMAD FAUZI BIN ZAHARI  
[ SETIAWANGSA ]**

**TARIKH : 19 MAC 2018**

**SOALAN :**

**YB. Dato' Ahmad Fauzi Bin Zahari [ Setiawangsa ] minta MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN menyatakan apakah penjelasan berkenaan logo Tahun Melawat Malaysia 2020 yang menjadi kontroversi di media sosial baru-baru ini**

**JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ**  
**MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, logo Tahun Melawat Malaysia 2020 (TMM) telah dilancarkan di persidangan ASEAN Tourism Forum (ATF) 2018 di Chiang Mai, Thailand pada bulan Januari 2018 dimana ianya telah mendapat sambutan dan pujian dari pengusaha-pengusaha pelancongan dan wakil-wakil media dari seluruh dunia yang hadir di persidangan tersebut.

Lanjutan dari pelancaran logo TMM 2020 tersebut, ianya telah mencetuskan kontroversi di media sosial oleh beberapa netizen mengenai isu-isu berikut:-

- (i) Rasa ketidakpuasan hati mereka terutama dikalangan pereka-pereka grafik dengan mengatakan logo tersebut tidak sesuai dan menarik dari sudut rekaan dan tidak memberikan gambaran Malaysia sebagai destinasi pelancongan; dan
- (ii) Mempertikaikan tindakan pihak Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia kerana tidak menganjurkan pertandingan mereka logo tersebut.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian ingin menjelaskan bahawa logo TMM 2020 telah dibuat secara dalaman oleh pereka grafik kanan Tourism Malaysia yang berpengalaman luas dalam mereka logo jabatan kerajaan dan swasta.

Beliau juga telah memenangi beberapa hadiah utama peringkat negara dan antarabangsa dalam mereka logo-logo diantaranya ialah seperti berikut:-

Peringkat Negara:-

- Pemenang Utama mereka logo Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) pada tahun 1979;
- Pemenang Utama mereka logo ‘Convene in Asia’ pada tahun 1995 (peringkat kebangsaan);
- Pemenang Utama mereka logo dan lambang rasmi kapal selam KD Tunku Abdul Rahman dan KD Tun Abdul Razak pada tahun 2009; dan
- Pemenang utama mereka logo Homestay dan Kampung Stay, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan pada tahun 2014.

Peringkat Antarabangsa:-

- Hadiah kedua mereka logo ‘Convene in Asia’ pada tahun 1995 (peringkat antarabangsa).
- Pemenang pertandingan poster UNWTO kategori ‘Tourism Posters Competition for East Asia & Pacific Region – Homestay Poster pada tahun 2011.
- Pemenang Pertandingan Poster PATA Gold Awards 2012 kategori “Marketing Primary Government Destination for Its A Million Experiences to Share Campaign pada tahun 2012.
- Pemenang “Marketing Media Travel Poster” bagi imej yang memaparkan tarikan pelancongan Orang Utan, aktiviti menyelam, Gunung Kinabalu, Homestay dan Pasar Siti Khadijah.

Beliau juga telah membantu dalam mereka bentuk logo Year of Festivals 2015, Logo MOTAC, MCAT serta mereka bentuk Astaka

Malaysia bagi ASEAN Tourism Forum di Brunei (2010), Cambodia (2011), Indonesia (2012) dan Manila (2013).

Logo TMM 2020 yang dihasilkan memaparkan elemen-elemen penting tarikan pelancongan negara seperti eko pelancongan iaitu orang utan, monyet proboscis dan penyu yang mampu menarik minat pelancong-pelancong asing datang bercuti ke Malaysia. Manakala menara berkembar Petronas merupakan ikon produk pelancongan yang telah menjadi terkenal diseluruh dunia dan paling ramai dilawati oleh pelancong.

Pemilihan warna pula berdasarkan warna-warna yang terdapat dalam bendera Malaysia. Warna hijau untuk eko-pelancongan dan warna ungu pula melambangkan aktiviti-aktiviti membeli belah.

Manakala tagline ‘Travel, Enjoy, Respect’ pula diambil dari tagline United Nations World Tourism Organisation (UNWTO) untuk mempromosikan pelancongan.

Tuan Yang di-Pertua,

Konsep yang diterapkan dalam logo TMM 2020 ini juga adalah berteraskan kepada keceriaan atau ‘fun concept’ dimana ianya memaparkan suasana keceriaan di Malaysia yang memiliki produk-produk pelancongan yang menarik serta acara dan pesta pelancongan yang ceria untuk dilawati dan dinikmati oleh para pelancong.

Tuan Yang di-Pertua,

Oleh kerana kekangan kewangan untuk menganjurkan pertandingan mereka cipta logo TMM 2020, pihak kementerian telah mengambil inisiatif menggunakan khidmat pereka-pereka dalaman yang berpengalaman serta arif dengan kriteria promosi pelancongan negara.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian yakin bahawa penganjuran TMM 2020 akan memberi manfaat besar kepada rakyat Malaysia dan kesan jangka panjang dari segi pertambahan pendapatan tukaran asing.

Sekian, terima kasih.